



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-28 KHAS (2/2023) SECARA DALAM TALIAN**

Tarikh : 4 April 2023 (Selasa)
Masa : 9.30 pagi
Platform : secara dalam talian menerusi aplikasi *Google Meet*
Kehadiran : seperti di **Lampiran A**

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
28.1	<p>Aluan Pengerusi</p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan seterusnya mengalau-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-28 Khas (2/2023) secara dalam talian melalui Aplikasi <i>Google Meet</i>;</p> <p>(b) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan ahli baharu iaitu:</p> <p>(i) Puan Norhasliza Hassan, dilantik sebagai Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah bermula 10 Mei 2022;</p> <p>(ii) Puan Rahmawati Umar, dilantik sebagai Timbalan Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah bermula 10 Mei 2022; dan</p> <p>(iii) Encik Mohamed Shukri Mohamed Noor, dilantik sebagai Timbalan Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) bermula 28 Februari 2023.</p>	Makluman Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>(c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ahli Jawatankuasa Kerja ISMS berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Encik Ahmad Nizam Abdullah, mantan Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti yang telah berkhidmat bermula 5 Ogos 2020 hingga 15 Mac 2023; dan (ii) Encik Nuruliman Ibrahim, mantan Timbalan Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) yang telah berkhidmat bermula 3 September 2020 hingga 27 Februari 2023. 	Makluman
28.2	<p>Laporan Penyata Pemakaian (Statement of Applicability (SoA)) Semakan Mac 2023</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Perubahan Penyata Pemakaian (SoA) bagi Semakan Mac 2023 adalah sebagaimana Laporan Agenda 2 yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum perubahan SoA merupakan output daripada Bengkel Semakan Penyata Pemakaian ISMS yang dijalankan pada 29 hingga 30 Mac 2023 dan melibatkan sebanyak perubahan 71 annex.</p> <p>(c) Mesyuarat meneliti cadangan perubahan Dokumen Penyata Pemakaian (SoA) ISMS yang dikemukakan dan bersetuju meluluskan perubahan untuk diguna pakai oleh semua pasukan ISMS/PTJ/entiti sokongan ISMS bermula pada 31 Mac 2023.</p>	Makluman Makluman Penyelaras ISMS
28.3	<p>Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS Semakan Mac 2023</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko setiap pasukan ISMS termasuk Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah (peneraju peluasan skop ISMS) hasil Bengkel Semakan Penilaian Risiko ISMS pada 15 hingga 16 Mac 2023 adalah seperti Laporan Agenda 3 yang dibentangkan semasa mesyuarat.</p>	Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>(b) mengambil maklum secara keseluruhan laporan menunjukkan terdapat sebanyak 1273 risiko dengan tahap rendah (L), 47 risiko dengan tahap sederhana (M) dan tiada risiko dengan tahap tinggi (H) dicatatkan hasil daripada penilaian ke atas 778 aset yang terlibat bagi semua pasukan ISMS.</p> <p>(c) secara perbandingan Penilaian Risiko ISMS Semakan Mac 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak 222 aset yang dinilai yang turut membawa kepada peningkatan jumlah ancaman sebanyak 364 berbanding penilaian semakan Mac 2022. Peningkatan ini juga dipengaruhi oleh faktor pertambahan skop/pasukan baharu ISMS iaitu Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah di bawah Peneraju Sekolah Pengajian Siswazah UPM.</p> <p>(d) mengambil maklum terhadap tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko yang digunakan oleh setiap peneraju ISMS dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat adalah seperti perincian yang dinyatakan dalam Sistem MyRAM setiap pasukan ISMS.</p> <p>(e) bersetuju meluluskan Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS (Semakan Mac 2023) dan pemakaianya perlu dihebahkan kepada semua pasukan/entiti ISMS sebagai rujukan terkini semasa pelaksanaan Audit Dalaman ISMS Tahun 2023.</p> <p>(f) mengambil perhatian bahawa semua ahli pasukan yang berdaftar dalam Sistem MyRAM perlu melaksanakan <i>reset</i> katalaluan bagi memenuhi keperluan Sistem MyRAM versi 2.1 yang telah dinaiktaraf oleh pihak MAMPU. Perkara ini akan dikomunikasi dan dipantau pelaksanaannya oleh Penyelaras Penilaian Risiko ISMS UPM bagi memastikan kelancaran proses penilaian risiko ISMS setiap pasukan.</p> <p>(g) meminta semua pasukan diminta mengemukakan satu (1) salinan lembut (softcopy) Laporan Terperinci Penilaian Risiko ISMS Semakan Mac 2023 (Detail Risk Assessment Report) yang dicetak melalui Sistem MyRAM dan lengkap ditandatangani kepada pihak Urusetia CQA untuk tujuan</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Penyelaras Penilaian Risiko ISMS & Penyelaras ISMS</p> <p>Penyelaras Penilaian Risiko ISMS</p> <p>Semua Ketua Pasukan ISMS</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>rekod. Aturan pegawai yang terlibat untuk menandatangani laporan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <i>Prepared by</i> – Penyelaras Risiko Pasukan ISMS; (ii) <i>Reviewd by</i> – Timbalan Ketua Pasukan ISMS; dan (iii) <i>Endorsed by</i> – Ketua Pasukan ISMS. <p>(h) mengambil perhatian antara skop yang memberi impak dan berpotensi untuk dimasukkan dalam pensijilan ISMS UPM pada masa akan datang adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pengurusan harta intelek; (ii) Pengurusan maklumat peribadi staf; (iii) Pengurusan kewangan; dan (iv) Pengurusan maklumat pelajar dalam Sistem e-SMP. 	Makluman
28.4	<p>Hal-hal Lain</p> <p>28.4.1 Perubahan Struktur Organisasi Pasukan ISMS</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum terdapat cadangan perubahan pada Struktur Organisasi ISMS berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Struktur Organisasi Jawatankuasa Kerja ISMS; (ii) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Kampus Serdang; (iii) Struktur Organisasi Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswa di Fakulti; (iv) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswa; dan (v) Struktur Organisasi Pasukan Pusat Data. <p>(b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan perubahan struktur organisasi ISMS UPM dengan tarikh pemakaian/kemaskini pada 7 April 2023.</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil perhatian berhubung salah seorang Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS iaitu Dato' Haji Rosdi Wah yang akan mula berpencen pada 26 April 2023. Mesyuarat secara dasarnya bersetuju supaya pengemaskinian Struktur</p>	Makluman Penyelaras ISMS TWP ISMS & Penyelaras ISMS

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>Organisasi Jawatankuasa Kerja ISMS/ Jawatankuasa Kerja Pasukan ISMS yang berkenaan dibuat selepas pengganti Dato' Haji Rosdi Wah dikenalpasti dan lantikan adalah bergantung kepada kesesuaian pengalaman dan kepakaran pegawai yang bakal dilantik dalam pelaksanaan ISO di UPM.</p> <p>28.4.2 Senarai Nama Pegawai Diberi Akses Sistem MyRAM</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Mesyuarat mengambil maklum senarai nama pegawai yang diberi akses ke sistem MyRAM sehingga Mac 2023 bagi setiap pasukan adalah seperti di Lampiran B. (b) Setelah meneliti, mesyuarat secara dasarnya bersetuju meluluskan senarai nama pegawai yang diberi akses dan turut bersetuju menggugurkan nama pegawai yang tiada dalam struktur semasa setiap pasukan ISMS. Bagaimanapuan, pengguguran nama ini masih tertakluk kepada maklum balas pasukan dengan pihak Penyelaras Penilaian Risiko ISMS sekiranya ingin mengekalkan nama pegawai terlibat beserta justifikasi. (c) Mesyuarat turut mengambil maklum Penyelaras Penilaian Risiko ISMS dan Penyelaras ISMS turut diberi akses dalam Sistem MyRAM bagi tujuan pemantauan penilaian risiko setiap pasukan ISMS. <p>28.4.3 Perubahan Nama Pusat Pembangunan Akademik</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berhubung perubahan nama Pusat Pembangunan Akademik (CADe) kepada Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik (CADe-Lead). Bagi tujuan pengemaskinian dokumen, mesyuarat bersetuju untuk menunggu sehingga hebahan rasmi dibuat berhubung perkara ini sebelum draf perubahan dokumen dibawa untuk kelulusan pada mesyuarat akan datang.</p>	<p>Makluman</p> <p>Penyelaras Penilaian Risiko</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
28.5	<p>Penangguhan Mesyuarat</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.58 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	Makluman

SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KEPADA KHAS (2/2023)
SECARA DALAM TALIAN

HADIR

- | | |
|--|---------------------|
| 1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) | - Pengerusi |
| 2. Ts. Mohamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data) | |
| 3. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu) | |
| 4. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu) | |
| 5. Puan Norhasliza Hassan (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah) | |
| 6. Puan Rahmawati Umar (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah) | |
| 7. Ts. Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS) | |
| 8. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) | - Setiausaha |

TURUT HADIR

1. Encik Nasrudin Yahya (Ahli, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
2. Encik Abdul Hadi Abd Rashid (Ahli, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
3. Encik Fadhlil Zakuan Ahmad Fadzil (Ahli, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
4. Encik Azry Mohd Adeny (Ahli, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
5. Puan Kasmaria Zawawi (Urusetia, Pusat Jaminan Kualiti)

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat, Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Dato' Haji Rosdi Wah (Penasihat, Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Puan Haslida Hassan (Penasihat, Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
5. Encik Mohamed Shukri Mohamed Noor (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
6. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
7. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)

4.2 – SENARAI NAMA PEGAWAI DIBERI AKSES SISTEM MYRAM

SENARAI AHLI PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH

Bil	Nama
1	Abdul Razif bin Abdul Razak
2	Abdul Wahid Mohd Sidik
3	Abdul Zaidi bin Abdullah
4	Ahri Sogok
5	Azman Shah bin Mohd Shahar
6	Fauzie bin Mohamad
7	Juraidah binti Mohamad Amin
8	Mohamad Rizal Bin Zamperi
9	Mohd Mazlimin Omar
10	Muhammad Amru bin Badrul Hisam
11	Noor Baizura Mohd Safiee
12	Norhasliza Binti Hassan
13	Nur Izyan binti Abd Aziz
14	Pavithra A/P Panir Selvam
15	Rahmawati binti Umar
16	Rostam Abu Bakar
17	Salman binti Uzairi, SR
18	Salwati binti Abdul Ghani
19	Shafiz bin Ishak
20	Suhana binti Johan
21	Suhyna Mohamad Sulaiman, Dr.
22	Zurayawati binti Sulaiman

SENARAI AHLI PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH (KAMPUS SERDANG)

Bil	Nama
1	Abdullah Arshad
2	Abdul Hadi Abd Rashid
3	Mohamed Shukri Mohamed Noor
4	Rahiza binti Abu Hanipah
5	Suhyna Mohamad Sulaiman, Dr.
6	Abdul Wahid Mohd Sidik
7	Ahri Sogok
8	Askina binti Aziz
9	Azman Shah bin Mohd Shahar
10	Fadhilil Zakuan Bin Ahmad Fadzil
11	Ibrahim Hassan, ASP/PB
12	Mazitah Ahmad
13	Mohamad Farid Harun
14	Mohamad Rizal Bin Zamperi
15	Mohd Hazrie bin Minhat
16	Mohd Mazlimin Omar
17	Mohd Nizam Ismail
18	Nasrudin Yahya
19	Noor Baizura Mohd Safiee
20	Noor Shuhana Abdul Ghani
21	Nor Hasuzie Abdullatif
22	Noraida Ahmad
23	Norazlina binti Zulkifli
24	Norhasliza binti Ghazali
25	Norshahilda binti Md. Shahril
26	Nur Fazrina Ismail
27	Rostam Abu Bakar
28	Sabdin @ Zahar Wahab
29	Salmah binti Uzairi, SR
30	Salmee Suhana Hashim
31	Sayid Mohamad Nazari Sayid Ismail
32	Shafiz bin Ishak
33	Shahril Iskandar Bin Amir
34	Siti Noriza Samad
35	Zurayawati binti Sulaiman

SENARAI AHLI PASUKAN PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH (KAMPUS BINTULU)

Bil	Nama
1	Mohd Amaludin bin Salleh
2	Noor Hakim bin Ahmad
3	Sudirman Bin Asmadi
4	Abdul Mohammad bin Omar
5	Ahri Sogok
6	Mohamad Farid Harun
7	Mohamad Syukri Bin Mohamad Adnan
8	Muhammad Amru bin Badrul Hisam
9	Nurul Haziqah binti Hasan
10	Rostam Abu Bakar
11	Shahril Iskandar Bin Amir
12	Zulkernain Bin Zamawi

SENARAI AHLI PASUKAN PUSAT DATA

Bil	Nama
1	Mohd Faizal Daud
2	Mohamad Farid Harun
3	Shahril Iskandar Bin Amir
4	Fadhilil Zil Ikram Omar
5	Mohd Mazlimin Omar
6	Nurul Hamni Othman
7	Rostam Abu Bakar
8	Sayid Mohamad Nazari Sayid Ismail
9	Wan Hafizi Wan Umar

SENARAI AHLI PASUKAN PENILAIAN PENGAJARAN PRASISWAZAH DI FAKULTI

Bil	Nama
1	Abdul Wahid Mohd Sidik
2	Azry Mohd. Adeny
3	Kamal Sufian bin Othman
4	Mohamad Farid Harun
5	Mohd Mazlimin Omar
6	Muhammad Faris Aqil Ideris
7	Nor Azirawani Man
8	Noraida Ahmad
9	Pavithra A/P Panir Selvam
10	Rosliza binti Ibrahim
11	Rostam Abu Bakar
12	Shafiz bin Ishak
13	Yasminani Mohamad
14	Zurayawati binti Sulaiman

Nota:

Nama yang dimerahkan tiada dalam Struktur Pasukan berkenaan.